

**MESYUARAT KEDUA  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KELIMA BELAS  
PADA HARI KHAMIS, 03 OKTOBER 2024, JAM 9.30 PAGI**

**SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT**

1. **DOA.**
2. **MENGANGKAT SUMPAH AHLI DEWAN NEGERI JOHOR**
3. **PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**
4. **PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT -**
  - **Bilangan 23 hingga 28 Tahun 2024**
5. **SOALAN LISAN**

**YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)**

**SOALAN 1 (A71)**

Apakah persediaan dan strategi kerajaan untuk menyediakan tenaga kerja yang memenuhi keperluan industri dan keperluan Johor Singapore Special Economic Zone (JS SEZ) khususnya dalam bidang ekonomi digital, kecerdasan buatan (Ai), kelestarian dan perubahan iklim.

**YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)**

**SOALAN 2 (A22)**

Bilakah tarikh JS-SEZ ini akan dimeterai oleh pihak Kerajaan Malaysia dan Singapura serta adakah kerajaan negeri sudah benar-benar bersedia dan membuat persiapan bagi menghadapi kesan apabila ia dilaksanakan kelak?

**YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)**

**SOALAN 3 A18**

Apakah kesiapsiagaan JS-SEZ dalam menyambut hasrat Malaysia untuk sama menyertai blok ekonomi BRICS yang dianggotai oleh Brazil, Rusia, India, China, Afrika Selatan dan beberapa anggota lain negara dunia?

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)**

**SOALAN 4 (A38)**

Bagaimana kerajaan menangani potensi peningkatan jurang ekonomi antara Johor Selatan dan Johor Utara akibat pembangunan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura?

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)**

**SOALAN 5 (A35)**

Apakah strategi utama kerajaan Johor untuk mencapai sasaran membasmi miskin tegar menjelang tahun 2025?

**YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)**

**SOALAN 6 (A183)**

Berapakah jumlah peruntukan untuk menyelenggara jalan-jalan kampung di negeri Johor yang disalurkan oleh kerajaan pusat sepanjang tahun 2024 mengikut pecahan daerah dan DUN?

**YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN (PULAI SEBATANG)**

**SOALAN 7 (A33)**

Apakah status terkini bagi 6 Projek Tebatan Banjir (RTB) jangka panjang dan 5 RTB jangka sederhana yang melibatkan kos sebanyak RM1.842 bilion yang pernah dimaklumkan sebelum ini di Mesyuarat Keempat (Belanjawan 2024) bagi persediaan kerajaan negeri bagi menghadapi banjir 2023.

**YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)**

**SOALAN 8 (A12)**

Berapakah jumlah pelaburan bagi suku tahun pertama 2024? Apakah strategi yang telah diatur oleh pihak kerajaan dalam memastikan pelabur-pelabur terutama daripada luar negara memanfaatkan potensi yang ada di negeri Johor untuk mereka pilih sebagai destinasi pelaburan perniagaan mereka

**YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)**

**SOALAN 9 (A2)**

Kes GISB mengemparkan negara. Adakah terdapat data tentang pengoperasian rumah kebajikan kanak-kanak di bawah kelolaan GISB (Global Ikhwan) di negeri Johor? Jika ada berapa banyak?

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)**

**SOALAN 10 (A36)**

Apakah visi dan misi utama Sekolah Bangsa Johor dalam membentuk generasi masa depan Johor?

**YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)**

**SOALAN 11 (A5)**

Apakah reformasi yang akan dilakukan SAJ bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan bekalan air setelah berlaku pengambilalihan oleh YTL? Saya percaya, banyak kawasan yg selalu terjejas oleh masalah air ingin mendapatkan jawapan.

**YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)**

**SOALAN 12 (A92)**

Berapakah jumlah unit rumah mampu milik yang telah siap dibina dari tahun 2022 sehingga terkini?

**YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)**

**SOALAN 13 (A58)**

Apakah usaha dan langkah kerajaan bagi menangani isu dan permasalahan berkaitan pencemaran alam sekitar di negeri Johor. Berapakah orang individu dan jumlah syarikat yang telah dikenakan tindakan akibat kecuaiannya sehingga berlakunya kejadian pencemaran seperti di Johor baru-baru ini?

**YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)**

**SOALAN 14 (A65)**

Susulan isu pencemaran sungai yang menjejaskan beberapa kawasan disekitar Johor Bahru, mohon kerajaan negeri menjelaskan langkah proaktif yang diambil bagi memastikan isu pencemaran sungai tidak berulang dan status terkini siasatan yang dijalankan bagi mencari pihak yang mengakibatkan pencemaran sungai tersebut.

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)**

**SOALAN 15 (A97)**

Bagaimanakah kerajaan negeri merancang untuk memastikan kelestarian alam sekitar, terutamanya dengan adanya aktiviti pembalakan dan ladang kelapa sawit? Adakah usaha pemantauan lebih ketat sedang dilaksanakan untuk mengelakkan berlakunya pencemaran sungai dan hakisan tanah?

**YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)**

**SOALAN 16 (A121)**

Apakah hasil siasatan kejadian pencemaran bau yang berlaku pada 9 September 2024 di sekitar Senai dan Tebrau, yang menyebabkan 3 sekolah ditutup, murid-murid mengalami loya, sesak nafas dan pening. Sila nyatakan tindakan yang akan diambil untuk mengelakkan kejadian ini berulang.

**YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)**  
**SOALAN 17 (A141)**

Masih terdapat kilang yang tidak peka terhadap isu pencemaran dengan membebaskan asap hitam ke udara. Misalnya sebuah kilang yang beroperasi di Mukim Ayer Hitam pernah diberi amaran oleh PBT namun masih ingkar. Apakah tindakan pihak berkuasa membendung perkara ini.

**YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)**  
**SOALAN 18 (A153)**

Nyatakan syarikat atau individu yang membuang sisa kimia di Perindustrian Tiong Nam dan Perindustrian Tropika dan apakah tindakan terhadap syarikat tersebut.

**YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)**  
**SOALAN 19 (A154)**

Nyatakan kontraktor, kos perbelanjaan, dan skop kerja-kerja pembersihan terhadap isu pembuangan sisa kimia di Perindustrian Tropika dan Perindustrian Tropika baru-baru ini.

**YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)**  
**SOALAN 20 (A160)**

Apakah tindakan kerajaan untuk membersihkan semua sungai-sungai yang tercemar teruk di kawasan DUN Permas ?

**YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)**  
**SOALAN 21 (A14)**

Apakah hasil pencapaian Johor dalam MAHA 2024?

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)**  
**SOALAN 22 (A39)**

Apakah punca utama kegagalan kontinjen Johor dalam mencapai sasaran kutipan 60 pingat emas pada Sukma 2024?

**YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)**  
**SOALAN 23 (A1)**

GISB atau Global Ikhwan terpalit dengan pelbagai isu dan ianya juga berkembang di Johor. Apa langkah pihak JAIJ memastikan tiada kegiatan yang tidak sepatutnya daripada berlaku?

**YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)**

**SOALAN 24 (A3)**

Sejauh mana sesuatu tindakan itu diklasifikasikan sebagai pengabaian kanak-kanak dan berapa banyak kes dicatatkan dan diambil tindakan di negeri Johor?

**YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)**

**SOALAN 25 (A4)**

Berapakah jumlah kanak-kanak hilang yang belum ditemui di Johor? Mohon perincian mengikut umur, tarikh kehilangan dan kawasan.

**YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)**

**SOALAN 26 (A6)**

Berapa banyak kilang haram yang masih beroperasi di Johor dan apakah tindakan tegas kerajaan negeri bagi mengatasi isu ini?

**YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)**

**SOALAN 27 (A7)**

Berapa ramaikah rakyat di dalam DUN Tiram yang layak menerima saringan PEKAB40? Berapakah yang telah menjalani saringan tersebut? Apakah cadangan pihak Kerajaan untuk memastikan rakyat yang belum membuat saringan untuk tampil membuat saringan kesihatan yang pecuma ini?

**YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)**

**SOALAN 28 (A8)**

Sejauhmanakah peranan jawatankuasa Menangani Kesesakan Bandar JB yang diwujudkan dapat berperanan mengatasi kesesakan luar biasa yang kerap kali berlaku apabila sesuatu pembaikan jalan diadakan dalam kawasan Johor Bahru dan DUN Tiram khususnya?

**YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)**

**SOALAN 29 (A9)**

Apakah sudah ada kajian lengkap tentang cadangan pembinaan jalan raya bertingkat dan flyover di sepanjang jalan Johor Bahru-Kota Tinggi terutama di jajaran bermula di Pekan Tiram hingga ke Pusat Bandar yang melalui kawasan-kawasan hotspot kesesakan lalulintas? Apakah garis masa perancangan pihak Kerajaan?

**YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)**

**SOALAN 30 (A10)**

Apakah kerajaan mempunyai perancangan untuk mengetengahkan sukan-sukan yang berpotensi untuk dijadikan tarikan sempena Tahun Melawat Johor 2026 yang boleh menganjurkan pertandingan bertaraf antarabangsa?

**YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)**

**SOALAN 31 (A11)**

Berapakah peruntukan yang telah disalurkan oleh kerajaan melalui agensi-agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan kepada Sekolah-sekolah Agama Kerajaan Johor di dalam DUN Tiram sehingga Ogos 2024? Mohon penjelasan terperinci mengikut sekolah, jumlah dan sumber peruntukan yang disalurkan.

**YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)**

**SOALAN 32 (A13)**

Apakah perancangan kerajaan negeri bagi memastikan Zoo Johor yang baru sahaja dibuka semula setelah lama ditutup kepada orang awam mendapat sambutan berterusan daripada pelancong dalam dan luar negeri menjelang kempen tahun melawat Johor 2026.

**YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)**

**SOALAN 33 (A15)**

Sejauh mana pelarasan subsidi diesel yang dilaksanakan oleh kerajaan persekutuan baru-baru ini memberi manfaat terutama melalui penambahan hasil kepada kerajaan negeri dan apakah keberkesanan penguatkuasaan kepada pihak yang sengaja mengambil kesempatan menaikkan kos barangan kepada pengguna.

**YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)**

**SOALAN 34 (A16)**

Mohon YAB Menteri Besar maklumkan kepada Dewan berkaitan pencapaian pelaburan terkini negeri Johor. Adakah ianya berada dilandaskan bagi memastikan Johor mencapai KPI yang telah ditetapkan dan masihkah kita menjadi negeri yang menerima paling banyak pelaburan asing?

**YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)**

**SOALAN 35 (A17)**

Apakah strategi dan langkah pelaksanaan yang telah diambil oleh kerajaan negeri bagi mempromosikan Tahun Melawat Johor pada 2026 ini?

**YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)**

**SOALAN 36 (A19)**

Sejak pembukaan Jambatan Sg Pulai, didapati telah banyak permasalahan timbul antaranya kerosakan jalan kerana mendapan teruk. Oleh itu, adakah kerajaan bercadang untuk menutup dan membaiki semula jalan tersebut secara menyeluruh?

**YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)**  
**SOALAN 37 (A20)**

Adakah kerajaan bercadang untuk membina dan memasang CCTV atau "traffic camera" di Jambatan Sg Pulai memandangkan adanya berlaku kemalangan jalan raya dan cubaan bunuh diri baru-baru ini?

**YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)**  
**SOALAN 38 (A21)**

Apakah usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan negeri melalui ahli meteorologi serta kajian yang telah dilaksanakan untuk mengetahui dan mengenalpasti laluan angin ribut khususnya yang berlaku di DUN Kukup baru-baru ini yang mengakibatkan banyak rumah rosak?

**YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)**  
**SOALAN 39 (A23)**

Apakah usaha yang dilakukan oleh MAINJ dalam mendepani isu kesesatan dalam agama Islam dan juga penganiayaan terhadap kanak-kanak serta penggunaan buruh paksa terutamanya di negeri Johor memandangkan isu ini telah tersebar luas melalui satu syarikat atau organisasi?

**YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)**  
**SOALAN 40 (A24)**

Apakah usaha yang dilakukan oleh kerajaan negeri untuk memperjuangkan dan memperkasakan persatuan veteran ATM khususnya di cawangan Pontian dan negeri Johor amnya untuk mereka bergerak aktif di dalam masyarakat?

**YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)**  
**SOALAN 41 (A25)**

Minta dinyatakan bagaimana prestasi eksport dan import Johor pada Mei 2024 menyumbang kepada peningkatan keseluruhan perdagangan Malaysia, dan apakah faktor utama yang mendorong pertumbuhan eksport di negeri ini?

**YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)**  
**SOALAN 42 (A26)**

Minta dinyatakan nilai dan hasil terkini aktiviti eksport negeri Johor dalam tahun 2024.

**YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)**  
**SOALAN 43 (A27)**

Minta dinyatakan bagaimana kerajaan mengukur keberkesanan perbelanjaan dalam mencapai sasaran pembangunan ekonomi dan kesejahteraan sosial.

**YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)**  
**SOALAN 44 (A28)**

Minta dinyatakan apakah faktor utama yang menyumbang kepada pencapaian prestasi perbelanjaan negeri Johor dan bagaimana ia mempengaruhi pertumbuhan ekonomi negeri pada tahun ini?

**YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)**  
**SOALAN 45 (A29)**

Minta dinyatakan usaha terkini yang dilakukan bersama Komuniti Pesawah dalam melaksanakan agenda pembangunan “Periuk Nasi Selatan” untuk memastikan jaminan bekalan makanan terpelihara.

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)**  
**SOALAN 46 (A30)**

Mohon nyatakan status terkini isu ikan asing invasif di Johor, khususnya di kawasan DUN Panti.

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)**  
**SOALAN 47 (A31)**

Apakah langkah-langkah kajian dan pemantauan yang telah dilakukan di seluruh negeri Johor, khususnya di bandar Johor Bahru, bagi mengelakkan kejadian tanah jerlus seperti yang berlaku di Kuala Lumpur baru-baru ini?

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)**  
**SOALAN 48 (A32)**

Bagaimanakah kerajaan negeri berperanan dalam menangani kenaikan harga barang, khususnya barang keperluan asas, akibat kenaikan kos diesel?

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)**  
**SOALAN 49 (A34)**

Nyatakan jumlah pelaburan asing yang diterima di daerah Muar mengikut negara dan industri pada tahun 2023 & 2024?

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)**  
**SOALAN 50 (A37)**

Bagaimanakah pelaburan dalam pusat data di Johor dapat memberi manfaat kepada ekonomi tempatan, terutama dari segi peluang pekerjaan?

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)**  
**SOALAN 51 (A40)**

Sejak tahun 2018, Endau sering bangkitkan isu keperluan rumah terutamanya RMMJ. Namun sehingga kini, masih tidak didengari oleh pihak kerajaan.

Mohon penjelasan adakah kerajaan memang tiada hasrat untuk mewujudkan projek rumah mampu milik di kawasan Mersing?

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)**  
**SOALAN 52 (A41)**

Susulan lawatan YB EXCO Perumahan ke Mersing pada 8 Februari 2024 yang lalu ke Kampung Sri Lumpur, apakah pelan tindakan kerajaan dalam usaha membangunkan kawasan tersebut?

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)**  
**SOALAN 53 (A42)**

Mohon pencerahan tentang tahap kepatuhan penggembala terhadap proses pemasangan tagging kepada haiwan ternakan lembu di kawasan Endau dan setakat ini berapa banyak haiwan ternakan yang telah di tagging?

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)**  
**SOALAN 54 (A43)**

Bukit Pantai Pasir Lanun kian menarik perhatian pengunjung dalam dan luar negeri Johor. Namun, terdapat beberapa ciri-ciri keselamatan yang kurang memuaskan seperti jalan yang sempit dan tiada pagar di lereng bukit. Apakah perancangan kerajaan dalam meningkatkan keselamatan di kawasan tersebut?

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)**  
**SOALAN 55 (A44)**

Adakah kerajaan bercadang untuk membina lebih banyak tapak gerai yang lengkap dengan kemudahan asas seperti bumbung, air dan elektrik di lokasi strategik sekitar Mersing agar dapat memberi peluang kepada penduduk Mersing?

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)**  
**SOALAN 56 (A45)**

Adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan perangkap sampah di kawasan parit khususnya di Kampung Sri Lumpur. Ini penting bagi mengelakkan sampah hanyut ke laut semasa air pasang surut.

**YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)**  
**SOALAN 57 (A46)**

Apakah tindakan kerajaan negeri bagi menangani masalah pembuangan sampah haram di De Holf Park dan beberapa kawasan lain akibat ketiadaan jadual kutipan sampah yang jelas oleh pihak berwajib?

**YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)**

**SOALAN 58 (A47)**

Mohon kerajaan negeri mengambil tindakan segera terhadap kelemahan penyelenggaraan sistem perparitan JPS yang menyebabkan masalah banjir di beberapa kawasan, demi mengelakkan kerugian dan kesusahan berulang kepada penduduk setempat.

**YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)**

**SOALAN 59 (A48)**

Bilakah kali terakhir semakan elaun bagi Imam Bilal dan Noja surau dilakukan? Memandangkan elaun yang diterima amat rendah, adakah kerajaan negeri bercadang untuk menaikkan elaun mereka bagi menghargai peranan dan sumbangan mereka kepada komuniti?

**YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)**

**SOALAN 60 (A49)**

Kerajaan negeri menyatakan bahawa peluang kerja di JSSEZ akan diutamakan untuk orang tempatan. Bagaimana langkah-langkah ini akan direalisasikan bagi memastikan golongan tempatan benar-benar mendapat manfaat?

**YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)**

**SOALAN 61 (A50)**

Adakah kerajaan negeri akan menambah peruntukan bagi inisiatif Jualan Kasih Johor, Dapur Kasih, Semarak Subuh Johor dan SV Prihatin Baik Pulih Rumah untuk memperluas lagi capaian dan impak program-program tersebut?

**YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)**

**SOALAN 62 (A51)**

Jambatan Sungai Pulai merupakan laluan utama bagi pelabur dan orang ramai ke Pekan Nanas. Siapakah pihak yang bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan jambatan tersebut, memandangkan keadaannya yang semakin uzur sejak sekian pembukaannya?

**YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)**

**SOALAN 63 (A52)**

Terdapat 4 buah pusat pemindahan sementara dalam DUN Sedili, apakah perancangan kesediaan yang dilaksanakan bagi memberi keselesaan kepada penghuni terutamanya kepada warga emas dan kanak-kanak semasa berlakunya banjir besar.

**YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)**

**SOALAN 64 (A53)**

Mohon penjelasan dan perkongsian, apakah bantuan yang boleh disalurkan kepada golongan penternak yang mengusahakan bidang ternakan kambing, lembu dan kerbau yang mana dapat menjamin sumber makanan negara dari segi permasalahan penempatan ternakan dan tanaman sumber makanan ternakan.

**YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)**

**SOALAN 65 (A54)**

Apakah usaha yang telah dilaksanakan setakat ini kepada pembinaan semula perumahan terbengkalai di dalam Parlimen Kota Tinggi iaitu di Perumahan Generasi Baru FELDA (PGBF) FELDA Bukit Aping Timur dan Taman Pasak Indah yang telah lama terbengkalai.

**YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)**

**SOALAN 66 (A55)**

Mohon perkongsian dan makluman setakat ini kepada Perancangan Kawasan Khas (RKK), khususnya di kawasan DUN Sedili, yang masih tiada gerak kerja perlaksanaannya.

**YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)**

**SOALAN 67 (A56)**

Mohon disegerakan pengurusan dan pelaksanaan, yang mana isu kedalaman muara Sungai Sedili Besar dan Sedili Kecil yang semakin cetek perlu diselesaikan dengan segera kerana ini mengganggu keluar masuk bot-bot nelayan.

**YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)**

**SOALAN 68 (A57)**

Mohon agar disegerakan pembinaan Balai Bomba Type C, yang mana tapak bagi membina sebuah Balai Bomba di dalam kawasan DUN Sedili telah tersedia, sepertimana yang diminta seluas 3 ekar bagi pembinaan tersebut.

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)**

**SOALAN 69 (A60)**

Sila nyatakan status dan perkembangan terkini projek pembinaan pintasan Tanjung Olak Sungai Muar serta cadangan penyelesaian.

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)**

**SOALAN 70 (A61)**

Kesesakan lalulintas berlaku setiap hari terutama pada waktu pagi di persimpangan Jalan Muar Tangkak dan Plaza Tol Tangkak, adakah kerajaan dapat memberi peruntukan untuk melebarkan persimpangan tersebut?

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)**

**SOALAN 71 (A62)**

Sila nyatakan keadaan terkini projek pelupusan sisa pepejal sanitari Bukit Payong.

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)**

**SOALAN 72 (A63)**

Sila nyatakan berapakah jumlah kawasan hutan yang rosak di Johor dan apakah rancangan untuk menggalakkan pemulihan kawasan hutan yang rosak?

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)**

**SOALAN 73 (A64)**

Apakah polisi kerajaan terhadap tanah - tanah yang telah tamat tempoh pajakan 99 tahun dan bagaimanakah proses penilaian ke atas tanah ini dibuat?

**YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)**

**SOALAN 74 (A66)**

Menjelang persediaan bagi Tahun Melawat Johor 2026, mohon kerajaan negeri menjelaskan kerja-kerja pembaikan yang akan dijalankan di Terminal Larkin Sentral dan anggaran kos bagi kerja-kerja pembaikan yang akan dijalankan.

**YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)**

**SOALAN 75 (A67)**

Mohon kerajaan negeri menjelaskan langkah penguatkuasaan yang telah diambil bagi memastikan tiada kenderaan berat yang menggunakan jalan di Felda Ulu Tebrau. Apakah status terkini kajian yang dibuat bagi menentukan jalan alternatif yang boleh digunakan oleh kenderaan berat.

**YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)**

**SOALAN 76 (A68)**

Mohon kerajaan negeri menjelaskan persediaan yang telah dibuat untuk menghadapi bencana banjir di negeri Johor menjelang peralihan Monsun Timur Laut dan sistem amaran awal banjir yang digunakan bagi memberi

amaran kepada penduduk apabila berlakunya bencana banjir di mana-mana kawasan.

**YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)**  
**SOALAN 77 (A69)**

Mohon kerajaan negeri menjelaskan jumlah Climate Contribution Fund yang dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) ke atas pihak pemaju atau kontraktor. Adakah kerajaan bersedia untuk menaikkan jumlah ini, supaya Climate Contribution Fund ini dapat digunakan dalam menangani isu perubahan iklim?

**YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)**  
**SOALAN 78 (A70)**

Apakah perancangan komprehensif kerajaan negeri untuk meningkatkan traffic connectivity antara daerah-daerah di Johor, termasuk penambahbaikan jalan raya, pengangkutan awam dan infrastruktur sokongan lain bagi memastikan mobiliti yang lancar dan selamat?

**YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)**  
**SOALAN 79 (A72)**

Dalam usaha mencapai Johor negeri sifar gelandangan, apakah usaha kerajaan negeri dari aspek latihan dan bimbingan kepada gelandangan supaya mereka boleh berdikari setelah keluar dari pusat penempatan sementara gelandangan di negeri ini.

**YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)**  
**SOALAN 80 (A73)**

Apakah status terkini Tadika Hikmah YPJ dan perancangan kerajaan untuk memperkasa Tadika Hikmah YPJ ini yang merupakan milik penuh Kerajaan Negeri Johor.

**YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)**  
**SOALAN 81 (A74)**

Apakah status terkini pemasangan wifi percuma di Sekolah Agama Kerajaan Johor (SAKJ) dan impak program tersebut terhadap pendigitalan di SAKJ.

**YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)**  
**SOALAN 82 (A75)**

Apakah strategi kerajaan untuk memperkasa muzium-muzium di negeri Johor khususnya di DUN Penawar agar lebih dikenali dan menarik minat para pelancong dalam usaha menjayakan misi Tahun Melawat Johor 2026.

**YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)**

**SOALAN 83 (A76)**

Apakah mekanisma yang digunakan oleh kerajaan negeri untuk menyelaras setiap program pameran kerjaya agar ianya lebih sistematik dan melibatkan lebih banyak syarikat dan usaha kerajaan untuk meningkatkan promosi program ini agar diketahui seluruh Bangsa Johor.

**YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)**

**SOALAN 84 (A77)**

Mohon dinyatakan cara dan langkah yang perlu diambil oleh kerajaan negeri bagi mengatasi graduan yang tidak mendapat tempat atau pekerjaan dalam bidang yang mereka pelajari.

**YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)**

**SOALAN 85 (A78)**

Minta dinyatakan langkah kerajaan negeri mengatasi masalah bebanan kos sara hidup yang semakin meningkat dengan harga barang yang tinggi.

**YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)**

**SOALAN 86 (A79)**

Mohon pihak kerajaan negeri mengambil maklum agar sistem perparitan di kawasan Pekan Parit Yaani Mukim 6 dan Mukim 18 dalam Dun Parit Yaani di naiktaraf.

**YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)**

**SOALAN 87 (A80)**

Merujuk belanjawan 2023 bagi pendigitalan Sekolah Agama Kerajaan Johor. Adakah telah dilaksanakan pemasangan wifi bagi 140 buah sekolah yang bakal memberikan manfaat kepada 190,000 pelajar. Jika sudah, mohon dinyatakan sekolah yang telah menerima manfaat tersebut dalam DUN Parit Yaani.

**YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)**

**SOALAN 88 (A81)**

Mohon dinyatakan langkah-langkah pihak kerajaan negeri menangani isu perniagaan warga asing yang tumbuh sebagai cendawan di DUN Parit Yaani terutama di Kawasan Tongkang Pechah.

**YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)**

**SOALAN 89 (A82)**

Mohon dinyatakan, bilakah kerajaan negeri akan memulakan pembinaan pelebaran jalan Putra Indah dan pemasangan traffic light kerana keadaan di kawasan itu mengalami kesesakan lalu lintas yang teruk pada waktu kemuncak.

**YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)**

**SOALAN 90 (A83)**

Setelah pelaksanaan penggunaan QR Code di BSI dan KSAB, berapakah jumlah orang yang menggunakan applikasi tersebut untuk perlepasan atau kemasukkan di kedua-dua CIQ tersebut. Senaraikan bilangan sejak perlaksanaan sehingga Ogos 2024 untuk BSI dan KSAB.

**YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)**

**SOALAN 91 (A84)**

Apakah rancangan kerajaan Johor dalam mempergiatkan kitar semula sisa bahan pembinaan (construction waste)?

**YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)**

**SOALAN 92 (A85)**

Apakah keadaan terkini Air Terjun Kota Tinggi?

**YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)**

**SOALAN 93 (A86)**

Apakah kerajaan negeri Johor bercadang untuk menyemak semula dan menaikkan gaji Ahli Majlis dan Ketua-Ketua Kampung di negeri ini, memandangkan peningkatan kos sara hidup yang semakin membebankan, terutama di kawasan bandar?

**YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)**

**SOALAN 94 (A87)**

Apakah status terkini mengenai projek perumahan mampu milik di Johor, khususnya di DUN Bukit Batu? Bagaimana kerajaan negeri memastikan golongan B40 dan M40 dapat memiliki rumah pada harga yang berpatutan?

**YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)**

**SOALAN 95 (A88)**

Apakah pelan tindakan kerajaan negeri untuk meningkatkan kualiti dan kesediaan bekalan air bersih di kawasan Kulai dan Bukit Batu, terutamanya selepas aduan tentang gangguan bekalan air yang kerap?

**YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)**

**SOALAN 96 (A89)**

Apakah inisiatif yang sedang diambil oleh kerajaan negeri untuk mempertingkatkan sistem pengurusan sampah di kawasan luar bandar seperti di DUN Bukit Batu bagi mengatasi isu longgokan sampah dan pencemaran alam sekitar?

**YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)**  
**SOALAN 97 (A90)**

Apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh kerajaan negeri untuk menambah baik kemudahan dan akses kepada perkhidmatan kesihatan di kawasan DUN Bukit Batu, termasuk penambahan klinik kesihatan atau program saringan kesihatan percuma?

**YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)**  
**SOALAN 98 (A91)**

Apakah status terkini projek pembinaan jalan raya dan saluran air di Bukit Batu, khususnya di kawasan yang terkesan dengan kerosakan jalan dan banjir kilat baru-baru ini? Apakah langkah-langkah segera yang diambil oleh kerajaan negeri untuk mengatasi isu-isu ini?

**YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN (PULAI SEBATANG)**  
**SOALAN 99 (A93)**

Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk kerja-kerja baikpulih perumahan awam di negeri Johor dari tahun 2022 hingga 2024, dan apakah impak yang telah dicapai terhadap kesejahteraan penghuni?

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)**  
**SOALAN 100 (A94)**

Jabatan Kebajikan Masyarakat merupakan salah satu jabatan pemberi bantuan dalam negara Malaysia. Sudah semestinya, negeri Johor tidak tertinggal dari menerima manfaat ini. Berapakah jumlah kewangan yang telah disalurkan kepada rakyat negeri Johor yang menerima bantuan bulanan?

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)**  
**SOALAN 101 (A95)**

Apakah perancangan kerajaan negeri untuk meningkatkan kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan air dan elektrik di kawasan pedalaman.

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)**  
**SOALAN 102 (A96)**

DUN Pasir Raja mempunyai potensi besar untuk dibangunkan sebagai destinasi eko-pelancongan. Apakah rancangan kerajaan negeri untuk membangunkan sektor pelancongan di Pasir Raja, khususnya dalam mempromosikan kawasan-kawasan tarikan alam semula jadi seperti air terjun, hutan simpan, dan kawasan rekreasi?

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)**

**SOALAN 103 (A98)**

Dengan adanya klinik kesihatan di Felda dan kampung yang masih tidak cukup memadai, apakah perancangan kerajaan untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan bagi penduduk di kawasan pedalaman? Adakah perancangan untuk membaikpulih klinik lama, membina hospital atau klinik baharu?

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)**

**SOALAN 104 (A99)**

Apakah strategi kerajaan negeri untuk memperkasa ekonomi tempatan, terutamanya dalam membantu para usahawan kecil dan industri kecil dan sederhana (IKS) dalam memasarkan produk mereka ke peringkat lebih tinggi?

**YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)**

**SOALAN 105 (A100)**

Apakah status kerja naik taraf jalan Tangkak - Segamat?

**YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)**

**SOALAN 106 (A101)**

Apakah rancangan kerajaan negeri bagi membangunkan kawasan perindustrian di Segamat sedangkan ETS dijangka bermula beroperasi tahun ini?

**YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)**

**SOALAN 107 (A102)**

Jementah dicadang untuk dijadikan sebagai salah satu hub pertanian yang terbesar di Johor. Apakah langkah kerajaan negeri bagi merealisasikan cadangan ini?

**YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)**

**SOALAN 108 (A103)**

Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan negeri bagi memupuk lebih banyak olahraga bertaraf antarabangsa seperti pemain badminton atau pemain woodball?

**YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)**

**SOALAN 109 (A104)**

Apakah langkah yang diambil bagi membantu mangsa banjir di Segamat terutama di kawasan Gemereh secara kekal?

**YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)**  
**SOALAN 110 (A105)**

Telah tular isu GISB sehinggakan menjadi polemik dalam kalangan umat Islam akan isu akidah dan moral yang dipersoalkan. Justeru apakah tindakan dan langkah JAINJ serta MAINJ bagi memastikan ia tidak menjadi ancaman kepada pegangan ASWJ yang diamalkan di negeri Johor.

**YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)**  
**SOALAN 111 (A106)**

Sehingga kini bekalan beras tempatan masih lagi tidak terdapat di pasaran sama ada pasaraya besar mahupun runcit. Mohon kerajaan nyatakan apakah usaha yang diambil bagi memastikan isu ini berakhir dan beras tempatan benar-benar boleh diperolehi di dalam pasaraya dan kedai

**YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)**  
**SOALAN 112 (A107)**

Mohon nyatakan berapakah jumlah Rumah Mesra Rakyat yang telah dibina di DUN Sungai Balang dan berapakah jumlah yang masih menunggu kelulusan pembinaannya.

**YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)**  
**SOALAN 113 (A108)**

Minta pihak JPS menyemak semula SOP penggunaan jentera pengorek parit daripada jentera berantai ke jentera beroda, terutama di jalan-jalan kampung yang akan mengalami kerosakan jalan apabila kerja-kerja mengorek dan membersihkan parit dilakukan dengan jentera berantai diatas jalan.

**YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)**  
**SOALAN 114 (A109)**

Sempena Tahun Melawat Johor 2026, apakah perancangan dan usaha diambil kerajaan negeri bagi memastikan kawasan DUN Sungai Balang berada di dalam peta pelancongan negeri yang menjadi pilihan destinasi perlu dikunjungi oleh pengunjung dan pelancong dari dalam dan luar negara.

**YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)**  
**SOALAN 115 (A110)**

Terima kasih kepada kerajaan Johor kerana telah meluluskan perumahan mampu milik DUN Sg Balang sebanyak 290 unit. Apakah sasaran kerajaan dalam memastikan penyediaan Rumah Mampu Milik yang lebih banyak dan berkualiti menjelang tahun 2030 selaras dengan Visi Johor Maju 2030?

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)**  
**SOALAN 116 (A111)**

Minta dinyatakan usaha pihak kerajaan untuk menambah peruntukan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan parit secara gotong-royong oleh JPCK Kampung.

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)**  
**SOALAN 117 (A112)**

Minta dinyatakan usaha pihak kerajaan untuk membina loji rawatan air baharu di kawasan Parit Raja.

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)**  
**SOALAN 118 (A113)**

Minta dinyatakan usaha pihak kerajaan untuk menambahbaik sistem permohonan Bantuan Wang Ihsan (BWI) kepada mangsa banjir bagi mengelak permasalahan teknikal berulang.

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)**  
**SOALAN 119 (A114)**

Minta dinyatakan status permohonan Lampu Jalan Kampung (LJK) yang telah dimajukan melalui Ketua-Ketua Kampung.

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)**  
**SOALAN 120 (A115)**

Minta dinyatakan usaha pihak kerajaan untuk melaksanakan kerja-kerja membuang kelodak dan penggalian Sungai Sembrong bagi mengurangkan risiko banjir.

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)**  
**SOALAN 121 (A116)**

Minta dinyatakan usaha pihak kerajaan untuk menaiktaraf Balai Polis Parit Raja bagi memastikan kesejahteraan warga penduduk Parit Raja terus terpelihara dengan pertambahan penduduk dari masa ke semasa.

**YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)**  
**SOALAN 122 (A117)**

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi menerbitkan Indeks Belanjawan Terbuka Malaysia 2024. Kedudukan Johor jatuh ke tempat ke-6 berbanding tempat ke-5 pada tahun 2022, dan peratus markah ketelusan jatuh ke 53% dari 71%. Sila nyatakan inisiatif untuk menambahbaikkan prestasi ini.

**YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)**  
**SOALAN 123 (A118)**

Apakah status Air Terjun Kota Tinggi yang ditutup sejak tahun 2019 selepas dilanda bencana banjir. Adakah kerajaan negeri membuat perancangan untuk dibuka semula kepada orang awam memandangkan tahun 2026 adalah Tahun Melawat Johor?

**YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)**  
**SOALAN 124 (A119)**

Kerajaan Negeri Johor mendapat peruntukan RM120 juta bagi menaiktaraf jalan dan menaikkan aras FT003 Jalan Johor Bahru-Mersing dari Kementerian Kerja Raya pada awal tahun ini. Apakah status projek ini? Sila beri maklumat tentang kontraktor dilantik, butiran kerja, jadual siap kerja.

**YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)**  
**SOALAN 125 (A120)**

YAB Menteri Besar Johor telah membuat lawatan mengejut ke Klinik Kesihatan Kulai pada 25 Julai 2024. Sila nyatakan tindakan susulan secara jangka masa panjang dan pendek untuk menyelesaikan masalah kesesakan perkhidmatan Klinik Kesihatan di daerah Kulai.

**YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)**  
**SOALAN 126 (A122)**

Nyatakan pendapatan hasil dan perbelanjaan setiap PBT bermula tahun 2022 sehingga sekarang serta nyatakan jumlah pemberian hasil kepada setiap yayasan dibawah PBT serta nyatakan perbelanjaan yang telah dibelanjakan yayasan dibawah PBT bermula tahun 2022 sehingga sekarang.

**YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)**  
**SOALAN 127 (A123)**

Berikutan kepada kepadatan penduduk dalam kawasan Kota Iskandar adakah hasrat kerajaan untuk membina bangunan sekolah tambahan atau yang baharu bagi menampung permintaan tinggi di kawasan Medini dan Gelang Patah.

**YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)**  
**SOALAN 128 (A124)**

Pelabuhan PTP sedang membangunkan kawasan tambahan operasi dipersisiran pantai Sungai Pulai dan di sebahagian kawasan Kampung Tanjung Adang. Dijangkakan kawasan terlibat akan menjejaskan tangkapan hasil nelayan dan kacau ganggu kediaman persekitaran. Ada rancangan beri insentif kepada yang terlibat.

**YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)**  
**SOALAN 129 (A125)**

Berapa luaskah pemilikan yang terkini, kawasan tanah berstatus rizab melayu dan kawasan setinggian telah dibanci mengikut mukim 1) Pulaui 2) Tanjung Kupang dan 3) Jelutung dalam kawasan DUN Kota Iskandar.

**YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)**  
**SOALAN 130 (A126)**

Bagaimana Kerajaan Negeri memperkasakan pelan dan rancangan pembangunan daerah yang memerlukan sokongan tambahan kerajaan negeri mengenai infrastruktur berdaya tahan dalam menghadapi perubahan cuaca seperti mitigasi banjir bandar, pencemaran hujan asid, penjagaan biodiversiti Sg Melayu, Sungai Pendas serta kawasan Ramsar.

**YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)**  
**SOALAN 131 (A127)**

Dalam menangani keperluan rumah kediaman Bangsa Johor yang baru bekeluarga/berumah tangga yang tinggal dan bekerja di Kota Iskandar. Adakah kerajaan berhasrat untuk mewujudkan Rumah Transit Kerajaan di dalam DUN Kota Iskandar, jika ada berapa unit yang akan dibina?

**YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)**  
**SOALAN 132 (A128)**

Kajian Plan Malaysia kadar penduduk Iskandar Puteri pada 2030 meningkat hampir 1 juta orang. Adakah hasrat kerajaan untuk menaik taraf IPD Polis Iskandar Puteri dari grad B kepada grad A agar dapat beri perkhidmatan yang seimbang dengan pendudukan.

**YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)**  
**SOALAN 133 (A129)**

Masih ada sekolah agama yang tidak diselenggara dengan baik, bangunan kelas pelajar serta pendawaian elektrik yang telah uzur. Oleh itu, apakah tindakan Kerajaan Negeri Johor dalam memastikan Sekolah Agama Negeri bergerak maju seiring sama seperti Sekolah Kebangsaan?

**YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)**  
**SOALAN 134 (A130)**

Pendapatan sebahagian peneroka FELDA terjejas akibat daripada bencana banjir mahupun fenomena air pasang. Banyak tanaman mereka yang terjejas. Oleh itu, apakah tindakan dan inisiatif yang telah disediakan oleh pihak FELDA dalam menangani masalah tersebut agar dapat mengurangkan beban para peneroka?

**YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)**  
**SOALAN 135 (A131)**

Kemudahan infrastruktur seperti dewan terbuka serta gelanggang sukan di kawasan pendalaman kampung juga adalah penting bagi kemudahan orang kampung serta anak muda menggunakannya. Adakah Kerajaan Negeri Johor mempunyai peruntukan khusus bagi pembinaan infrastruktur tersebut di kawasan luar bandar?

**YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)**  
**SOALAN 136 (A132)**

Ramai pelajar lepasan SPM enggan melanjutkan pelajaran dan lebih memilih menjadi sebahagian pekerja di bawah payung ekonomi gig. Apakah usaha kerajaan negeri dalam memastikan anak muda Johor mempunyai peningkatan kemahiran yang mampu memberikan perlindungan dan prospek kerjaya yang lebih baik?

**YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)**  
**SOALAN 137 (A133)**

Apakah usaha kerajaan negeri dalam meningkatkan hasil tanaman petani di Johor?

**YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)**  
**SOALAN 138 (A134)**

Kini tular berkenaan isu serbuan rumah amal di bawah GISB Holding (GISBH) yang melibatkan aktiviti eksploitasi kanak-kanak. Apakah tindakan Kerajaan Negeri Johor susulan isu ini? Adakah kegiatan dan ajaran agama pertubuhan ini dikawal ketat oleh pihak berwajib di negeri Johor?

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGGKIBOL)**  
**SOALAN 139 (A135)**

Pesta jualan atau karnival perlu dilakukan ditempat yang bersesuaian dan tidak mengganggu perniagaan yang telah sedia ada. Adakah pihak kerajaan boleh menetapkan syarat agar Penganjur perlu mendapat persetujuan penyewa kedai di sesuatu kawasan sebelum melaksanakan sesuatu program di kawasan perniagaan?

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGGKIBOL)**  
**SOALAN 140 (A136)**

Mengikut jawapan Dewan pada Disember 2022, Projek Jalan Sambung VBC Jalan Mengkibol adalah dibawah tanggungjawab PBT. Apakah status pelaksanaan oleh Majlis Perbandaran Kluang untuk projek paling diutamakan oleh warga Kluang ini?

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGGKIBOL)**  
**SOALAN 141 (A137)**

Gerai MPK Jalan Panggung yang berusia lebih 40 tahun adalah kenangan bersama warga Kluang, dan sebahagian besar telah roboh. Apakah status pelaksanaan projek baikpulih?

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGGKIBOL)**  
**SOALAN 142 (A138)**

JKR pernah membuat penutupan Jalan Intan 1 dan 2 untuk kajian kelancaran trafik Jalan Batu Pahat, hasil kajian menunjukkan perlu pelebaran di dua jalan tersebut demi memendekkan waktu menunggu, apakah status pelaksanaan pelebaran tersebut.

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGGKIBOL)**  
**SOALAN 143 (A139)**

Terdapat cuma satu Pusat Jagaan OKU Berkediaman di Kluang dan telah jauh melebihi kapasiti. Adakah pihak kerajaan bercadang untuk membina pusat jagaan OKU Berkediaman baru bagi menampung jumlah OKU terlantar atau yang ditinggalkan oleh keluarga yang semakin meningkat?

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGGKIBOL)**  
**SOALAN 144 (A140)**

Pengondolan hutan tanah hakmilik di Gunung Lambak di Taman Megah dan Bandar Seri Impian sejak 2 tahun ini meresahkan penduduk mengenai risiko tanah runtuh, mengapa pekeliling KP Perhutanan Bil 5 2014 Kelebaran Zon Penampakan 20m tidak dikuatkuasakan?

**YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)**  
**SOALAN 145 (A142)**

Semakin hari semakin banyak tapak pembuangan sampah haram di sekitar DUN Bukit Nanning. Apakah tindakan kerajaan negeri untuk menyelesaikan masalah kekurangan tempat pembuangan sampah di kawasan kampung serta di luar kawasan PBT di DUN Bukit Nanning.

**YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)**  
**SOALAN 146 (A143)**

Kerana ketiadaan padang khas di beberapa kawasan sekitar DUN Bukit Nanning, mohon kerajaan negeri mempertimbangkan kebenaran untuk menjadikan tanah rezab kerajaan sebagai tapak padang bagi aktiviti sukan dan kegiatan orang awam.

**YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)**  
**SOALAN 147 (A144)**

Apakah prosedur, langkah proaktif dan garis masa yang ditetapkan kepada pihak konsesi dan agensi terlibat dalam menyegerakan pelaksanaan kerja-kerja kecemasan khususnya dalam membaikpulih jalan kampung yang rosak agar tidak membahayakan pengguna kerana mengambil tempoh yang lama untuk dibaiki.

**YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)**  
**SOALAN 148 (A145)**

Mohon penjelasan daripada pihak berwajib mengenai kilang-kilang haram yang beroperasi sekitar daerah Muar, apakah kajian dilakukan dan tindakan diberikan kepada pemilik kilang-kilang haram tersebut?

**YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)**  
**SOALAN 149 (A146)**

Adakah Stadium Muar akan dibuka pada umum untuk penggunaannya kepada masyarakat dan adakah dikenakan bayaran atau sewa bagi penggunaannya?

**YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)**  
**SOALAN 150 (A149)**

Adakah terdapat pembinaan rumah mampu milik Johor di DUN Maharani? Di mana lokasinya dan jangkakan siap bagi projek tersebut? Rumah mampu biaya ini terhad, jadi adakah ia menampung permintaan anak-anak muda Johor di DUN Maharani?

**YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)**  
**SOALAN 151 (A150)**

Apakah tindakan kerajaan negeri dalam menghadapi golongan LGBT di negeri Johor yang boleh menyumbang kepada isu keruntuhan nilai moral di kalangan masyarakat Johor?

**YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)**  
**SOALAN 152 (A151)**

Nyatakan usaha kerajaan negeri dalam meningkatkan gaji anak Bangsa Johor supaya menangani masalah kesukaran mendapat kerja.

**YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)**  
**SOALAN 153 (A152)**

Bagaimanakah memastikan bekalan air dan elektrik mencukupi untuk memenuhi keperluan industri Data Centre di Negeri Johor supaya bekalan rakyat tidak akan terjejas.

**YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)**

**SOALAN 154 (A155)**

Nyatakan rancangan kerajaan negeri dalam menyelesaikan isu kesesakan lalu lintas di sepanjang Jalan Pandan- Jalan Kota Tinggi?

**YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)**

**SOALAN 155 (A156)**

Nyatakan bilangan service apartment dan Condominium yang jangka akan disiap bina bagi tahun 2025, 2026 dan 2027.

**YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)**

**SOALAN 156 (A157)**

Kerajaan Negeri Johor sedang giat membangunkan TASKA yang diberi nama Jauhar Childcare Centre (JCC) di bawah Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT). Boleh pihak YB berikan maklumat berkenaan JCC YPKDT ini. Berapakah jumlah JCC yang telah ditubuhkan sehingga tahun ini?

**YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)**

**SOALAN 157 (A158)**

Apakah status permohonan pemberi milikan tanah kerajaan untuk tapak tabika KEMAS di atas lot 27582, mukim sungai segamat yang telah dipohon pada tahun 11 Oktober 2020?

**YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)**

**SOALAN 158 (A159)**

Apakah perancangan kerajaan negeri untuk meningkatkan promosi negeri Johor sebagai Pusat Pelancongan?

**YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)**

**SOALAN 159 (A161)**

Huraikan unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri Johor bagi 5 tahun yang akan datang (2025-2029) dan tiga industri utama yang akan diberi fokus.

**YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)**

**SOALAN 160 (A162)**

Nyatakan perancangan Kerajaan Negeri Johor bagi menggalakkan penggunaan panel solar pada bumbung bangunan-bangunan di bawah seliaan kerajaan negeri.

**YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)**  
**SOALAN 161 (A163)**

Nyatakan rancangan Kerajaan Negeri Johor untuk menarik pelaburan ke kawasan Johor Tengah dan Johor Utara memandangkan pelaburan lazimnya tertumpu di Johor Selatan.

**YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)**  
**SOALAN 162 (A164)**

Nyatakan usaha yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri Johor untuk meningkatkan kadar penyertaan tenaga kerja wanita.

**YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)**  
**SOALAN 163 (A165)**

Nyatakan status terkini kerja-kerja naik taraf Hospital Sultanah Aminah bagi memenuhi keperluan yang kian meningkat, termasuk kemudahan kesihatan dan fasiliti parking.

**YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)**  
**SOALAN 164 (A166)**

Nyatakan tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri Johor untuk mengekang pembuangan sampah haram terutamanya sisa pembinaan.

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)**  
**SOALAN 165 (A167)**

Apakah yang boleh dibantu kerajaan di dalam mengatasi masalah gangguan haiwan liar seperti monyet yang sering menyerang penduduk perumahan?

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)**  
**SOALAN 166 (A168)**

Inisiatif bantuan bina rumah baru yang dijalankan kerajaan, kebanyakan penduduk di kawasan bandar tidak layak kerana syarat milikan tanah. Adakah kerajaan berhasrat untuk mengkaji syarat tersebut atau memberi rumah baru bernilai RM80 ribu di bawah program RMMJ kepada yang layak?

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)**  
**SOALAN 167 (A169)**

Sebagai langkah menjaga kebajikan kanak-kanak yang dihantar ke sekolah swasta, adakah kerajaan mempunyai rancangan menjalankan semakan serta pemutihan, dan apakah tindakan yang diambil terhadap pengusaha sekolah yang beroperasi tanpa kelulusan pihak kerajaan?

**YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)**  
**SOALAN 168 (A170)**

Apakah perkembangan terkini berkenaan pengumuman RM56 juta peruntukan dalam belanjawan Johor 2024 untuk Residensi Bangsa Johor di dalam Daerah Tangkak.

**YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)**  
**SOALAN 169 (A171)**

Apakah perancangan kerajaan negeri bagi membantu melengkapkan keperluan Smart TV di sekolah-sekolah kebangsaan dan sekolah agama negeri Johor.

**YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)**  
**SOALAN 170 (A172)**

Apakah perancangan kerajaan negeri dalam mewajibkan ibu bapa menghantar anak ke sekolah agama Johor?

**YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)**  
**SOALAN 171 (A173)**

Sejauh manakah persediaan kerajaan negeri dalam memastikan bekalan air tidak terganggu terutama menjelang musim perayaan khususnya di DUN Gambir?

**YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)**  
**SOALAN 172 (A174)**

Isu GISB mengemparkan masyarakat, sejauh manakah pemantauan yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa di negeri Johor?

**YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)**  
**SOALAN 173 (A175)**

Berapa ramai pegawai perkhidmatan negeri yang mendapat peluang menyambung pelajaran hasil tajaan kerajaan negeri. Apakah impak nyata yang diperolehi oleh rakyat hasil dari program ini?

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGKARAM)**  
**SOALAN 174 (A176)**

Senaraikan aduan pencemaran alam sekitar berkaitan pembakaran terbuka di negeri Johor dan berapa banyakkah notis yang telah dikeluarkan dan tindakan yang diambil terhadap pelaku?

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)**

**SOALAN 175 (A177)**

Jumlah pesakit buah pinggang yang memerlukan rawatan hemodialisis semakin meningkat dan rawatan awal untuk memasang alat untuk menjalankan hemodialisis tidak mampu ditanggung rakyat. Apakah langkah kerajaan di dalam membantu para pesakit untuk kos rawatan awal memasang peralatan bagi menjalani hemodialisis?

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)**

**SOALAN 176 (A178)**

Apakah solusi kerajaan di dalam mengatasi masalah tanah dan bangunan terbiar berhampiran perumahan, di mana keadaan ini memberi ancaman kepada penduduk, dan berapa banyakkah notis serta tindakan yang telah diambil?

**YB DATUK HAJI RAMLEE BIN BOHANI (KEMPAS)**

**SOALAN 177 (A179)**

Apakah sudah ada tindakan dalam menangani isu bulk meter bekalan air yang dikongsi oleh 2 blok (Blok B dan C) di kawasan Flat Taman Seroja, Kempas sehingga bil air yang tinggi terpaksa ditanggung oleh pihak Pengurusan Blok C.

**YB DATUK HAJI RAMLEE BIN BOHANI (KEMPAS)**

**SOALAN 178 (A180)**

Apakah langkah kerajaan dalam menjadikan Johor Sifar Setinggalan terutamanya masalah penyewaan semula rumah setinggalan kepada warga asing?

**YB DATUK HAJI RAMLEE BIN BOHANI (KEMPAS)**

**SOALAN 179 (A181)**

Apakah solusi tuntas dalam menangani masalah pusat kitar semula yang dibuat secara haram oleh masyarakat Rohingnya sehingga mendatangkan ketidakselesaan kepada penduduk setempat seperti pembakaran terbuka dan pembiakan nyamuk?

**YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)**

**SOALAN 180 (A182)**

Mohon pihak kerajaan mengatasi masalah kekurangan van ambulans di Klinik Kesihatan Senggarang memandangkan van ambulans yang sedia ada tidak mencukupi tambahan pula pada ketika ini rosak dan terpaksa meminjam dari klinik yang berdekatan.

**YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)**  
**SOALAN 181 (A184)**

Mohon pihak kerajaan negeri/MAINJ mendirikan sebuah rumah flat bagi golongan yang kurang berkemampuan/fakir/miskin di Senggarang di atas tanah-tanah kosong yang terdapat di Senggarang sama ada dengan cara PBT dan sebagainya.

**YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)**  
**SOALAN 182 (A185)**

Apakah tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil terhadap individu/syarikat-syarikat yang membuang sampah di tempat pembuangan sampah milik gerai/pasar di bawah seliaan PBT?

**YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)**  
**SOALAN 183 (A186)**

Apakah tindakan yang boleh diambil terhadap individu/syarikat yang mengambil kesempatan di atas tanah milik JPS khususnya di laluan mesin/jentera? Perkara ini menyukarkan mesin/jentera menjalankan kerja-kerja pembersihan parit/sungai.

**YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)**  
**SOALAN 184 (A187)**

Mohon pihak JPS membina semula benteng yang telah terhakis dan hampir runtuh yang menyebabkan air laut telah melepasi benteng di Kampung Sri Pantai, Senggarang khususnya ketika air pasang. Ia menjejaskan klinik dan juga kawasan petempatan di kawasan tersebut.

**6. RUNDINGAN**

**6.1** Peranggaran Tambahan Pembangunan Kedua Tahun 2024

**7. RANG UNDANG-UNDANG**

7.1 Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 2) Tahun 2024.

7.2 Rang Undang-Undang Enakmen Industri Berasas Kayu (Pindaan) 2023.

7.3 Rang Undang-Undang Air Johor 2024.

7.4 Rang Undang-Undang Lembaga Air Johor 2024.

**Persidangan ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan diberitahu kelak.**